

# Syor benarkan warga asing jadi pemandu bas

**Kuala Lumpur:** Sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah membuka jawatan pemandu bas kepada pekerja asing bagi menampung kekurangan tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

Syor itu disuarakan Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, yang menyifatkan wujud keperluan itu sekiranya pekerjaan sebagai pemandu bas tidak lagi mampu menarik golongan muda.

Beliau berkata, mekanisme itu boleh dengan mewajibkan tenaga kerja luar ini menjalani latihan sekurang-kurangnya selama enam bulan, selain menggunakan formula seperti di Singapura yang menggajikan warga asing untuk berkhidmat sebagai pemandu bas.

Katanya, membuka jawatan itu

kepada pasaran luar antara tiga cadangan pihaknya selain pembukaan akademi bagi melatih pemandu bas dan menjenama semula kerjaya terbabit supaya nampak lebih profesional dan mempunyai jaminan masa depan.

“Kita melihat wujudnya masalah tenaga kerja untuk pemandu bas di negara ini yang memerlukan kaedah lebih sistematik dengan sedikit pengubahsuaian oleh kerajaan.

“Sekiranya dua cadangan penubuhan akademik dan penjenamaan semula pekerjaan itu masih tidak mampu menarik golongan muda menjadi pemandu bas, kerajaan perlu membuka jawatan itu kepada pasaran luar.

“Malaysia boleh membukanya kepada pasaran antaranya Thailand dan Myanmar dengan belajar dari Singapura. Latihan intensif perlu diberikan bagi memastikan mereka mahir dengan selok-belok jalan di negara ini,” katanya *BH*.

Kelmarin *BH* melaporkan terdapat syarikat pengusaha bas di negara ini yang membenarkan pemandunya bekerja sehingga 28 hari sebulan disebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang itu.

Keadaan itu dilaporkan turut berlaku atas kemahuan

pemandu bas sendiri yang sanggup bekerja hampir sebulan kerana ingin meraih pendapatan lebih.



Law Teik Hua

Pada masa sama, Teik Hua berkata, dengan cara membenarkan pekerja asing menjadi pemandu bas di negara ini, boleh menjadi pilihan terakhir bagi menampung jumlah tenaga kerja itu yang dikesan tidak lagi menjadi pilihan orang tempatan khususnya anak muda.

Beliau berkata, kerajaan perlu memandang serius isu mengenai kekurangan pemandu bas kerana isu terbabit dikhuatiri boleh ‘menggangu’ usaha kerajaan untuk menggalakkan pengguna jalan raya menggunakan pengangkutan awam.

“Kerajaan perlu memandang serius mengenai kekurangan pemandu bas kerana masalah terbabit boleh memberi kesan kepada nyawa penumpang.

“Apabila jumlah pemandu bas tidak cukup, ada kemungkinan orang yang sama diminta untuk bertugas walaupun mereka su-

dah berusia ataupun letih.

“Keadaan itu seterusnya memberi kesan kepada kualiti pemanduan mereka, sekali gus menjadi risiko kemalangan,” katanya.

Teik Hua berkata, Kementerian Pengangkutan sudah melaksanakan inisiatif menggalakkan anak muda supaya menjadi pemandu bas professional melalui kaedah Program Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) percuma untuk anak muda.

Beliau berkata, langkah itu tidak mendapat sambutan anak muda kerana mereka tidak berminat untuk menjadi pemandu bas.

Pada 2023, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke mengumumkan tawaran 4,000 Lesen PSV secara percuma kepada golongan B40 mengikut syarat ditetapkan menerusi program MyPSV.